

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97**

**April 1997**

**PGT 403 - Pembelajaran Melalui Seni Kreatif**

**[ Masa :2 jam ]**

---

**Arahan : Jawab 2 soalan.**

1. Dorothy Heathcote, seorang pelopor drama kanak-kanak telah membentuk proses dua langkah "Dari persegmenan ke fokus dramatis" dalam Dramatika Kreatif.
  - a) Huraikan proses persegmenan ("segmenting") ini yang dapat diusahakan dalam bilik darjah.  
[ 25 markah ]
  - b) Bincangkan nilai-nilai dramatika kreatif dalam pembentukan personaliti kanak-kanak dari sudut intelek, sosial dan estetik.  
[ 25 markah ]
2.
  - a) Bagaimanakah anda mengimprovisasi muzik bunyi-bunyian untuk mempertingkatkan kesedaran kanak-kanak mengenai persekitaran. Berikan contoh-contoh untuk menyokong jawapan anda.  
[ 25 markah ]
  - b) Bincangkan gol-gol utama pendidikan muzik dalam pendidikan awal kanak-kanak.  
[ 25 markah ]
3.
  - a) Torrance (1962) telah menyatakan tujuh penunjuk kreativiti yang berfaedah dalam mengenalpasti tingkahlaku kanak-kanak yang amat kreatif. Bincangkan.  
[25 markah ]

...2/-

- b) Imajinasi dan fantasi merupakan dua aset yang terbaik bagi zaman awal kanak-kanak. Huraikan dengan jelas dan berikan contoh-contoh untuk menyokong jawapan anda.

[ 25 markah ]

4. Pergerakan dan seni ekspresif merupakan alat pembelajaran akademik untuk peringkat awal kanak-kanak. Huraikan fungsi dan implikasinya dalam pendidikan kanak-kanak.

[ 50 markah ]